

Pelajar perlu pilih jurusan sesuai: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH 30 JUN 2000

BANGI, Khamis – Pelajar yang memilih jurusan tidak sesuai dengan keperluan negara tidak harus menyalahkan kerajaan apabila sukar mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak ramai pelajar yang mengikuti pengajian dalam teknologi maklumat (IT) dan sektor teknikal seperti kejuruteraan, elektronik dan elektrik, yang amat diperlukan dalam era globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) sekarang.

Berikutan itu, katanya, timbul masalah siswazah menganggur sedangkan pada masa yang sama banyak kekosongan pekerjaan dan jawatan yang tidak dapat diisi.

“Ini berlaku kerana ada “mismatch” antara bidang yang dipilih untuk dipela-

jari dengan keperluan pakaran. Saya rasa pelajar perlu diberi taklimat sebelum memasuki mana-mana universiti bagi mendapat penjelasan mengenai peluang pekerjaan.

“Kalau belajar dalam bidang yang kemudiannya didapati sukar mendapat peluang kerja, jangan marahkan kerajaan kerana dia yang pilih jurusan yang dia seronok nak belajar.

“Lepas itu keluar tak ada kerja. Kadang-kadang pergi ke negara asing untuk belajar di sana dan bila balik, tak ada kerja. Mereka marah kepada kerajaan dan menyertai pembangkang,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bangi, dekat sini hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata pelajar perlu mengambilkira keperluan negara terhadap pekerjaan serta

kecekapan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau juga menasihati pelajar supaya menguasai bidang yang mereka tidak minat.

“Mungkin ramai daripada pelajar yang berpendapat bahawa mereka tidak mungkin menguasai ilmu dalam bidang yang mereka tidak minat. Tetapi ini tidak benar,” katanya.

Beliau berkata, di zaman sebelum sains dan teknologi berkembang, minat pelajar ialah sastera hinggan mereka yang mendapat ijazah sastera dianggap layak untuk membuat apa sahaja, daripada menjadi pentadbir sehinggalah mengepalai angkatan tentera.

“Tetapi apabila pengkhususan dibuat dan ilmu lebih spesifik dan tepat dengan tugas yang akan dipertanggungjawabkan diperkenalkan, mereka yang

percaya minat mereka hanyalah dengan sastera, apabila memilih bidang baru lebih khusus dan sesuai dengan pekerjaan, mendapati mereka mampu menguasainya,” katanya.

Beliau berkata, pelajar berkenaan mendapati kebolehan mereka begitu tinggi sehingga tercapai ijazah cemerlang dan mereka juga dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

Ditanya kemudiannya sama ada kerajaan akan

membenarkan pembukaan lebih banyak IPT tajaan swasta berbanding tiga sekarang yang ditaja oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB), Petronas dan syarikat Telekom Malaysia, beliau berkata ia memerlukan kajian.

“Kita bermurah hati. Ada kira-kira 600 institusi swasta di Malaysia sekarang. Kita bimbang sesetengahnya tidak memiliki taraf sebenar. Kita terpaksa mengkaji semula keadaan ini kerana kita tidak mahu

iklan dan pengajian itu memperdayakan orang ramai.

“Orang hantar anak dia pergi situ (kolej swasta), bila keluar tak ada kecekapan apa pun. Ini juga berlaku dengan sesetengah pelajar swasta yang belajar di luar negara dengan memasuki universiti yang kita tak iktiraf.

“Bila balik, dia marah dan mendakwa kita tak iktiraf kelayakannya. Kita tak iktiraf kerana dia dari awal lagi patut tahu, ini

bukan kelayakan yang kita terima,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia akan mampu menangani cabaran zaman globalisasi, E-Dagang dan K-Ekonomi jika ramai rakyat dapat memiliki kecekapan dalam IT.

Pada masa yang sama, negara dapat menangani apa juga cabaran kesan kemudahan berkomunikasi dan perkembangan maklumat melalui telefon, komputer, internet dan sebagainya.